

Lampiran (Petikan daripada GLC dan GLIC)

1. Khazanah

Selaras dengan mandat kami untuk menyampaikan nilai mampan bagi rakyat Malaysia, kami menggunakan strategi pelbagai serampang yang bertujuan untuk menyampaikan nilai kepada semua pihak berkepentingan, termasuk kerajaan, sektor swasta dan masyarakat. Bawah inisiatif Memajukan Malaysia, kami telah memperkenalkan Dana Impak iaitu peruntukan dana RM6 bilion yang akan menyaksikan kami melabur dalam sektor pemangkin dalam tempoh 5 tahun akan datang, yang mempunyai pendekatan inklusif untuk memacu pertumbuhan ekonomi, menyampaikan nilai sosio-ekonomi sambil membina kapasiti dan komuniti yang berdaya. Aspirasi ini adalah selari dengan misi kerajaan untuk mempercepatkan pemulihan negara pasca-pandemik.”

Dato’ Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan

2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus menyokong pembangunan negara melalui pelaburan strategik dalam infrastruktur serta pelaksanaan inisiatif yang memberi impak sosial untuk ahli KWSP. KWSP turut terlibat dalam pembangunan infrastruktur seperti Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), Terowong SMART, Prasarana dan Plaza Sentral sebagai salah satu daripada strategi pelaburan keseluruhannya yang menyokong pembangunan negara. KWSP juga mempunyai Pelaburan di dalam sektor utama ekonomi seperti perladangan, perbankan, logistik, menyokong aktiviti perniagaan dan kewujudan peluang pekerjaan yang telah melonjakkan pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

Di samping menyokong pembangunan ekonomi Malaysia, KWSP tetap fokus pada mandat utamanya untuk membantu rakyat Malaysia mencapai simpanan persaraan yang mencukupi, dengan memberikan pulangan optimum melalui pengagihan dividen tahunan dan sentiasa berinovasi dalam menawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan ahli KWSP yang semakin meningkat.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Ketua Pegawai Eksekutif

3. PETRONAS

“PETRONAS didorong oleh “Amanah” yang kami junjung untuk mengoptimumkan nilai hidrokarbon Malaysia bagi manfaat negara dan rakyat. Kami telah mengambil langkah-langkah terperinci untuk merebut dan membuka peluang dalam peralihan tenaga, agar kami dapat menyediakan tenaga dan penyelesaian yang dapat memacu kemajuan masyarakat dengan cara yang bertanggungjawab dan mampan. Dengan portfolio dan pengtauliahahan yang kukuh, rangkaian produk termaju dan penyelesaian yang bersesuaian, kami mengorak langkah ke arah mencapai aspirasi pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 (NZCE 2050), sejajar dengan aspirasi neutral karbon Malaysia, dan dalam pada masa yang sama membantu mempercepatkan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara”.

Datin Anita Azrina Abdul Aziz, Ketua, Komunikasi Strategik Kumpulan

4. Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Sebagai salah satu daripada institusi pelaburan terbesar Malaysia dengan dana di bawah pengurusan melebihi RM300 bilion, Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan terus meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan semua rakyat Malaysia demi kemakmuran negara. PNB telah membuktikan daya tahan yang tinggi dan masih mampu menjana pulangan kewangan yang berpatutan selaras usaha kami memenuhi mandat yang diberikan oleh para pemegang unit.

Bagi meneruskan misi ini dalam landskap pelaburan global yang kian berubah, PNB akan memperkenalkan Rangka Kerja Kelestarian kami untuk menjadi pendukung amalan terbaik dalam bidang alam sekitar, sosial dan tadbir urus atau ESG, dan sekaligus menerapkan amalan tersebut dalam semua proses pelaburan serta proses keseluruhan organisasi kami. Bersama dengan syarikat-syarikat pelaburan kami, PNB berhasrat memiliki portfolio sifar bersih menjelang tahun 2050 bagi menyokong komitmen Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara neutral karbon pada jangka masa yang sama.

PNB memenuhi kedua-dua objektif kewangan dan sosial dengan tujuan menyokong matlamat pembangunan lestari negara, sama ada dari segi pembangunan modal insan, masyarakat, vendor dan lain-lain. PNB komited untuk terus mendukung mandat institusi sejak ditubuhkan lebih empat dekad yang lalu dan kekal sebagai penyumbang utama kepada pembangunan negara seiring pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-12.

Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

5. Lembaga Tabung Haji

“Lembaga Tabung Haji (TH) sentiasa komited dalam memenuhi mandat untuk menambah baik perkhidmatan bagi memudahkan umat Islam Malaysia menunaikan ibadat haji, insya-Allah.

Setelah menghantar 1.5 juta jemaah haji sejak penubuhannya pada tahun 1963 dan untuk terus memelihara kepentingan pendeposit, Pelan Transformasi Strategik telah dirancang untuk membawa TH ke era digitalisasi, antaranya pengenalan Rangka Tindakan Pengurusan Haji.

Operasi dan tadbir urus TH juga telah dan akan terus diperkukuhkan bagi menjaga kepentingan 8.4 juta pendeposit yang meletakkan kepercayaan kepada TH sehingga berjaya mencapai rekod deposit tertinggi dalam sejarah TH selama 59 tahun, sebanyak RM83.33 bilion pada 31 Disember 2021.

Alhamdulillah, TH terus kekal sebagai pengurus haji terunggul negara, selaras dengan hasrat kerajaan menjadikannya sebuah organisasi berintegriti dengan tadbir urus yang baik selain membantu memperkasakan ekonomi negara”.

Dato' Sri Amrin Awaluddin, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif

6. KWAP

“Ekosistem persaraan yang mampan adalah penting dalam menjamin keselamatan sosioekonomi rakyat Malaysia. Perkhidmatan yang disediakan untuk pesara merupakan tonggak utama usaha pengukuhan negara yang dilaksanakan oleh KWAP. Sebagai pengurus dana persaraan negara, KWAP berbesar hati dengan amanat yang diberikan untuk menambahbaik ekosistem persaraan di Malaysia menerusi persediaan sebelum bersara dan penuaan produktif. Perkhidmatan untuk pesara telah dipertingkatkan menerusi inisiatif-inisiatif tambahan seperti aplikasi MyPesara yang bertindak sebagai platform bagi pesara-pesara untuk membuat pelbagai transaksi serta menerima tawaran-tawaran yang menarik. Ini adalah antara beberapa perkhidmatan yang dibawa oleh KWAP untuk kemudahan pesara.

Seiring dengan ini, kami juga telah memperhalusi strategi pelaburan supaya lebih tangkas dan proaktif bagi mencapai pulangan yang optimum serta mampan dan seterusnya membentuk dana persaraan yang lebih teguh. Portfolio pelaburan KWAP kekal dengan dominasi 80% pelaburan tempatan dan kami turut memainkan peranan aktif sebagai pelabur utama di Malaysia. Ini jelas dilihat menerusi usaha kami dalam memberi galakan kepada pemain industri serta syarikat-syarikat tersenarai untuk mempertingkatkan komitmen mereka dari segi aplikasi Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi perniagaan mereka.

KWAP berpegang teguh dalam komitmen kami agar daya ketahanan dan tarikan pasaran saham tempatan kekal kukuh. Sehubungan dengan ini, syarikat-syarikat

tersenarai digalakkan untuk berusaha ke tahap yang lebih cemerlang bagi menambah keyakinan pelabur. Kami yakin bahawa dengan usaha ini syarikat-syarikat tersenarai akan dapat menarik lebih minat pelabur Malaysia dan seterusnya mengekalkan daya tarikan pasaran saham tempatan.”

Nik Amlizan binti Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif

7. Lembaga Tabung Angkatan Tentera

LTAT komited untuk memastikan supaya nilai simpanan pencarum dari kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah mampan, terjamin dan selamat. Komitmen ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memastikan kebajikan anggota ATM yang telah banyak berkorban dan mengabdikan diri demi keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa dijaga. Pelan Transformasi strategik lima tahun LTAT (2019 – 2023) merupakan satu usaha untuk menjadikan LTAT sebagai dana simpanan persaraan bertaraf dunia yang mampu mengisytiharkan dividen yang mampan kepada ahlinya.

LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion aset di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusan kewangan serta industri berat. Kami terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penggunaan teknologi terkini terutamanya LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa.

Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman, Ketua Eksekutif